

Media massa Asean digesa pertahankan nilai budaya

KUALA TERENGGANU, Khamis — Encik Mohd Adib Adam hari ini menggesa media massa dan ahli-ahli komunikasi Asean supaya memelihara nilai-nilai budaya dan tradisi serta tidak membuat liputan berita yang berat sebelah.

Katanya, kemampuan mereka menjalankan tugas itu dengan berkesan akan menjamin yang nilai-nilai kebudayaan dan tradisi itu tidak dipengaruhi oleh kesan-kesan negatif dari media massa barat.

Katanya, perbezaan dalam pembangunan infrastruktur dan teknologi komunikasi di negara maju dan negara-negara sedang membangun telah mewujudkan pengaliran berita dan maklumat yang berat sebelah.

Kini, jelas beliau, kira-kira 90 peratus dari berita dan maklumat di dunia dikumpulkan dan disalurkan oleh lima agensi berita terbesar iaitu Reuters, Agence France Press, Associated Press, United Press International dan Tass.

Berucap merasmikan mesyuarat kelapan Jawatankuasa Asean mengenai Kebudayaan dan Penerangan (CI) di sini, Encik Mohd Adib mensifatkan keadaan itu sebagai satu monopoli yang boleh memberi kesan negatif terhadap pembangunan sosio-budaya di negara sedang membangun termasuk Asean.

Kesan

Keadaan ini, jelas beliau, jika tidak diperhatikan boleh memberi kesan yang tidak baik serta boleh menjejaskan proses pembangunan negara-negara membangun.

Katanya, penekanan dari segi kemudahan komunikasi yang tidak seimbang telah menjadikan negara-negara membangun sebagai penerima berita dan maklumat yang disebarkan oleh 'satu sumber asing' bagi mereka.

Tegasnya, keadaan ini perlu diberi perhatian kerana sistem perdagangan bebas yang diamalkan di barat turut menjadikan media massa di sana sebagai satu industri yang mana keluarannya adalah untuk jualan yang mementingkan keuntungan dengan mengenyepikan soal kebenaran dan matlamatnya.

Sebagai contoh, kata Encik Mohd Adib, ada usaha-usaha media massa luar melalui iklan yang bertujuan mempengaruhi rakyat di negara-negara sedang membangun supaya mengubah nilai dan corak hidup mereka dan bergantung kepada barangan keluaran negara-negara barat dan mengenyepikan unsur kebudayaan dan tradisi mereka sendiri.